

D.R. 48/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [*Akta 98*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Collector” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam perenggan (*b*) dalam takrif “Collector” dalam seksyen 2, dengan perkataan “Land Administrator”.

Pindaan seksyen 2**3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan sebelum takrif “Director General of Lands and Mines” takrif yang berikut:

‘ “Corporation” means the Amanah Raya Berhad, a company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] pursuant to section 3 of the Public Trust Corporation Act 1995 [Act 532];’;

- (b) dengan memotong takrif “Official Administrator”;

- (c) dalam takrif “State”, dengan menggantikan noktah dengan koma bertitik; dan

- (d) dengan memasukkan selepas takrif “State” takrif yang berikut:

‘ “valuation officer” means a valuation officer employed by the Government and includes an assistant valuation officer.’.

Pindaan seksyen 3

- 4.** Subseksyen 3(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “six hundred thousand ringgit” dengan perkataan “two million ringgit”.

Pindaan seksyen 4**5. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “the greater part in value of the property is situated” dengan perkataan “a petition has been lodged or in the case of more than one petition has been lodged, the Land Administrator of the district where the first petition has been lodged,”; dan

- (b) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan sebelum perkataan “shall determine” perkataan “or a valuation officer”.

Pindaan seksyen 8

6. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “having jurisdiction under section 4 a petition” dengan perkataan “at any district wherever the immovable property comprised in the estate is situated a petition”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “title” perkataan “or other documents evidencing title”;
- (c) dalam subseksyen (5)—
 - (i) dengan memasukkan sebelum perkataan “shall value” perkataan “or a valuation officer”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “situate” perkataan “, if any”;
- (d) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan sebelum perkataan “under” perkataan “or a valuation officer”;
- (e) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

“(8) If the Land Administrator decides that the estate is a small estate, he shall deal with the petition in accordance with subsection 4(2) but if it appears to him that it would be more expedient for the petition to be heard by another Land Administrator, he may apply to the Director of Lands and Mines or the Director General of Lands and Mines, as the case may require, for an order to be made under subsection 4(2).”; dan
- (f) dalam subseksyen (9)
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “If” perkataan “upon ascertaining from the principal registry of the High Court,”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “that other petition has been transferred to him under subsection (8) or”.

Seksyen 8A baru

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

“When any movable property is administered by the Corporation

8A. Where a petition for distribution is lodged with a Land Administrator and that any movable property comprised in the estate had been administered or is being administered by the Corporation, the Corporation shall deliver to the Land Administrator any document relating to the property for the purpose of determining whether the estate is or is not a small estate.”.

Pindaan seksyen 12

8. Subseksyen 12(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “any penghulu” perkataan “or a Settlement Officer”.

Seksyen 13A baru

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 13 seksyen yang berikut:

“Direction or declaration by the Corporation in respect of movable property

13A. Where any movable property comprised in a small estate has been administered by the Corporation, the Land Administrator shall accept any direction or declaration made by the Corporation in relation to the property.”.

Pindaan seksyen 15

10. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Where two or more beneficiaries are entitled to a share in any movable property comprised in the estate the Land Administrator may, at his discretion,

having regard to the interest of those concerned, order the property to be sold in such manner as may be prescribed.”; dan

(b) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “and (5)” dengan perkataan “, (5) and (5A)”.

Pindaan seksyen 33

11. Subseksyen 33(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, Malaysia”.

Peruntukan peralihan

12. (1) Semua petisyen yang berhubungan dengan harta pusaka kecil yang dibuat dengan Pemungut sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada dan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan dan mempunyai kesan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Semua pendengaran yang berhubungan dengan harta pusaka kecil yang dimulakan atau belum selesai di hadapan Pemungut hendaklah, pada dan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan dan diselesaikan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (“Akta 98”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk membuat pindaan am kepada Akta 98. Perkataan “Pemungut” kini digantikan dengan perkataan “Pentadbir Tanah”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 98. Pindaan ini bertujuan untuk memasukkan takrif “Corporation” dan “valuation officer” ke dalam Akta 98.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 98 dengan mentakrifkan semula ungkapan “harta pusaka kecil” sebagai bermaksud harta seseorang mati yang tidak melebihi dua juta ringgit, berbeza daripada nilai sedia ada sebanyak enam ratus ribu ringgit.

6. *Subfasal 5(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) Akta 98 yang memperkatakan bidang kuasa Pentadbir Tanah berkenaan dengan harta pusaka kecil. Melalui pindaan ini, Pentadbir Tanah di daerah di mana suatu petisyen telah dibuat, atau jika terdapat lebih daripada satu petisyen, di mana petisyen pertama yang dibuat, hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk menguruskan pembahagian dan pentadbiran keseluruhan harta pusaka itu. Pihak-pihak kini boleh membuat permohonan mereka bagi pembahagian kepada mana-mana Pentadbir Tanah tanpa perlu mengambil kira di mana terletak bahagian harta itu yang lebih besar nilainya. Pindaan kepada subseksyen 4(5) dalam *subfasal 5(b)* bertujuan untuk membenarkan pegawai penilai selain Pentadbir Tanah menentukan nilai harta yang terkandung dalam sesuatu harta pusaka. Langkah yang dicadangkan ini akan mempercepatkan proses penilaian.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 98. Pindaan kepada subseksyen (1) berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 4 Akta 98. Bagi memudahkan pemfailan sesuatu petisyen, pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen (2) dalam *subfasal 6(b)* akan membolehkan pempetisyen menyerahkan kepada Pentadbir Tanah apa-apa dokumen yang membuktikan hakmilik jika pempetisyen tidak dapat mengemukakan dokumen hakmilik keluaran. *Subfasal (e)* bertujuan untuk menggantikan subseksyen (8). Subseksyen (8) yang baru menghendaki Pentadbir Tanah untuk menguruskan sesuatu petisyen bagi pembahagian harta pusaka kecil di hadapannya tetapi dia juga dibenarkan untuk memindahkan petisyen itu kepada Pentadbir Tanah yang lain jika didapatinya adalah lebih suai manfaat bagi petisyen itu didengar oleh Pentadbir Tanah yang lain. *Subfasal 6(f)* bertujuan untuk meminda subseksyen (9) untuk menghalusi dan menjelaskan peruntukan itu.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta 98 yang menghendaki Perbadanan menyerahkan kepada Pentadbir Tanah apa-apa dokumen yang berhubungan dengan apa-apa harta alih yang terkandung dalam harta pusaka yang telah ditadbirkan atau sedang ditadbirkan oleh Perbadanan, bagi maksud menentukan sama ada harta pusaka itu ialah harta pusaka kecil atau selainnya.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 12(3) Akta 98 untuk mengadakan peruntukan bagi menjadikan Pegawai Petempatan seorang saksi dalam suatu pendengaran petisyen bagi pembahagian.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13A ke dalam Akta 98 untuk menghendaki Pentadbir Tanah menerima apa-apa arahan atau perisytiharan yang dibuat oleh Perbadanan berhubung dengan apa-apa harta alih yang terkandung dalam harta pusaka kecil yang telah ditadbirkan oleh Perbadanan itu.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (5A) ke dalam seksyen 15 Akta 98 untuk memberi Pentadbir Tanah budi bicara untuk menjual apa-apa harta alih jika dua orang benefisiari atau lebih berhak kepada suatu bahagian harta alih itu. Dalam membuat demikian, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil kira kepentingan mereka yang terlibat.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan.

13. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2153]